

NOTIS

Notis Penutupan Sementara Cawangan Lahad Datu

Pelanggan yang Dihargai,

Berikutan seorang kakitangan kami telah disahkan positif COVID-19, cawangan Bank Islam di **Lahad Datu**, termasuk terminal layan diri ditutup serta-merta buat sementara waktu bagi proses sanitasi dan langkah-langkah pencegahan sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.

Sementara itu, pelanggan dinasihati supaya melakukan transaksi perbankan secara dalam talian melalui platform **perbankan internet** www.bankislam.biz atau menggunakan aplikasi **GO by Bank Islam** untuk urusan yang lebih pantas dan selamat. Dalam tempoh penutupan sementara ini, pelanggan juga boleh membuat pengeluaran tunai di mesin-mesin ATM yang mempunyai kemudahan perkhidmatan MEPS yang berhampiran dengan anda. Tiada caj pengeluaran dikenakan bagi transaksi pengeluaran tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-2690 0900 atau layari laman web www.bankislam.com.

Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul namun langkah penutupan sementara cawangan ini perlu dilaksanakan bagi menjamin keselamatan anda serta kakitangan kami.

Terima kasih.

**Pihak Pengurusan
Bank Islam Malaysia Berhad**